

SULIT  
015/1  
Matematik  
Kertas 1  
Jan - Sept  
2005  
1 Jam

## MATEMATIK UPSR

<http://www.geocities.com/mateupsr>

---

### LATIHAN II

---

---

## MATEMATIK

KERTAS 1

1 Jam

---

---

### JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan. Jawab semua soalan .*
2. *Jawab dengan menghitamkan ruangan pada kertas jawapan.*
3. *Cara menjawab adalah seperti di bawah ini :*

*Contoh soalan :*

$$40 + 20 =$$

- A     2  
B     20  
C     60  
D     800

*Jawapan yang betul bagi soalan ini ialah 60 dan hurufnya ialah C. Lihat contoh pada kertas jawapan yang diberi. Ruangan bagi huruf C telah dihitamkan .*

4. *Bagi satu soalan hitamkan satu ruang sahaja.*
  5. *Jika anda hendak menukar jawapan , padamkan tanda yang telah dibuat . Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
  6. *Anda boleh membuat kerja mengira ditempat kosong di dalam kertas soalan.*
- 

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak .

**[Lihat Sebelah  
SULIT**

1. 269 574

**Rajah 1**

Hasil tambah bagi nilai digit angka 6 dan 5 dalam Rajah 1 ialah ...

- A. 60 500                      B. 65 000  
C. 6500                         D. 69 500

2. 0.013 juta = \_\_\_\_\_

- A. 1 300 000                  B. 130 000  
C. 13 000                      D. 1300

3.  $964\,670 \div 14 =$  \_\_\_\_\_


- A. 62 509                      B. 6895  
C. 68 905                      D. 62 905

4.  $155 \times (6 + 14) =$  \_\_\_\_\_

- A. 944                          B. 300  
C. 3100                         D. 930

5.  $\frac{1}{2} + \frac{3}{4} + \frac{3}{8} =$

- A.  $\frac{1}{2}$                               B.  $1\frac{4}{7}$   
C.  $5\frac{1}{8}$                              D.  $1\frac{5}{8}$



**Rajah 2**

Hitungkan nilai  $y$  dalam Rajah 3 .

- A.  $\frac{1}{2}$                               B.  $\frac{1}{5}$   
C.  $\frac{3}{4}$                               D.  $\frac{1}{4}$

7. Di antara yang berikut yang manakah **tidak** setara dengan  $\frac{5}{6}$  ?

- A.  $\frac{10}{12}$                               B.  $\frac{25}{36}$   
C.  $\frac{15}{18}$                              D.  $\frac{20}{24}$



**Rajah 3**

Hitungkan nilai bagi  $P + Q$  dalam Rajah 3 di atas .

- A. 1.48                          B. 0.44  
C. 0.96                         D. 1.04


9. Sebuah kotak mengandungi 420 biji oren.  $\frac{1}{6}$  daripadanya di ambil oleh Zali manakala Ahmad mengambil  $\frac{2}{3}$  daripadanya. Hitungkan baki oren di dalam kotak itu ?

- A. 190 biji                      B. 180 biji  
C. 70 biji                         D. 230 biji

10. Berapakah mesti ditambah kepada 68.45 supaya menjadi 10 000 ?

- A. 168.45                        B. 10 068.45  
C. 9931.55                      D. 16 845

11.



Rajah 4


Rajah 4 menunjukkan harga sebuah motorsikal. Untuk membelinya, Hafiz dikehendaki membayar wang pendahuluan sebanyak 30% daripada harganya. Hafiz mempunyai wang sebanyak RM 1000.

Antara berikut yang manakah benar?

- A. Hafiz kekurangan RM620 untuk membayar wang pendahuluan.  
B. Hafiz kekurangan wang sebanyak RM1620 untuk membayar wang pendahuluan.

- C. Hafiz perlu membayar wang pendahuluan sebanyak RM3780  
D. Hafiz kekurangan wang sebanyak RM 300 untuk wang pendahuluan.

12.




Rajah 5 menunjukkan harga sebuah mesin basuh. Saiful menjual mesin basuh itu dengan mendapat untung 0.2 daripada harga asal. Berapakah harga jual mesin basuh itu ?

- A. RM 152                        B. RM 180  
C. RM 120                        D. RM 300.

13. Jumlah harga bagi 7 buah buku dan 9 batang pen ialah RM 46.50. Sebatang pen berharga RM 1.90. Hitungkan harga bagi 6 buah buku yang sama ?

- A. RM 176.40                      B. RM 102.60  
C. RM 25.20                        D. RM 44.60

14.



**Rajah 6**

Satu ujian Matematik dijalankan dalam tempoh masa seperti dalam Rajah 6.

Ujian itu mengandungi 20 soalan.


Berapakah masa yang patut digunakan untuk menjawab soalan 1 hingga 8 ?

- A. 16 minit
- B. 2 minit
- C. 4 minit
- D. 12 minit

15. Setelah  $\frac{2}{3}$  daripada panjang seutas tali digunakan, Kamil mendapati panjang tali yang tinggal ialah 315 cm. Hitungkan panjang asal tali tersebut.

- A. 3.15 m
- B. 2.10 m
- C. 9.45 m
- D. 1.05 m

16.




**Rajah 7**

Jika barang P dikeluarkan, hitungkan selisih berat di antara kedua – dua sisi alat timbang dalam Rajah 7 di atas.

- A.  $\frac{1}{10}$  kg
- B.  $\frac{1}{2}$  kg
- C.  $\frac{1}{4}$  kg
- D.  $\frac{3}{4}$  kg

17.




**Rajah 8**

Isipadu air yang ditunjukkan dalam Rajah 8 adalah  $\frac{1}{3}$  daripada isipadu penuh bekas itu.

Berapakah isipadu air yang perlu dituang ke dalam bekas itu supaya bekas itu berisi separuh penuh ?

- A. 1.2
- B. 0.2
- C. 0.4
- D. 0.6


18.



**Rajah 9**

Rajah 9 menunjukkan bentangan bagi suatu bongkah tertentu. Berapakah isipadu bongkah itu ?

- A.  $350 \text{ cm}^3$       B.  $1176 \text{ cm}^3$   
 C.  $140 \text{ cm}^3$       D.  $70 \text{ cm}^3$



Rajah 10 menunjukkan sebuah segiempat tepat PQRS dan dua bulatan A dan B yang sama besar. Jejari setiap bulatan ialah 7 cm. Hitungkan luas bagi kawasan yang berlorek.

- A.  $39^2 \text{ cm}^2$       B.  $98 \text{ cm}^2$   
 C.  $196 \text{ cm}^2$       D.  $49 \text{ cm}^2$

20.

Alias : "Berapa harga baju yang kamu beli ni, Zul?"  
 Zul : "Tiga helai RM 114.75. Ada diskaun."  
 Alias : Wah, sebelum ni saya beli dua helai baju sama seperti ini, harganya RM 90.

Berdasarkan perbualan di atas, hitungkan peratus diskaun bagi sehelai baju di atas.

- A. 78 %      B. 15 %  
 C. 40 %      D. 85 %

21. Jadual menunjukkan tinggi bagi empat orang murid

Murid	Tinggi (cm)
Ali	175
Abu	150
Amran	18 cm kurang daripada Ali
Amri	0.09 m lebih daripada Amran

**Jadual 1**

Hitungkan purata tinggi bagi empat orang murid di atas.


- A. 120.5 cm      B. 162 cm  
 C. 1140 cm      D. 85.7725 cm

22. Purata markah bagi Chong, Arif, Bala dan Joseph ialah 78. Diberi bahawa Chong dan Arif mendapat markah yang sama, manakala jumlah markah Joseph dan Bala pula ialah 138.

Di antara berikut manakah yang tidak benar?

- A. Markah sebenar Joseph ialah 69  
 B. Markah sebenar Chong ialah 87.  
 C. Markah sebenar Arif ialah 87  
 D. Beza markah Arif dengan jumlah markah Joseph dan Bala ialah 51.

23.




Rajah 11

Dalam Rajah 11 bentuk – bentuk R , S, T , dan U dilukis pada petak – petak segiempat sama yang sama besar .

Antara berikut yang manakah benar ?

- A. Bentuk T paling luas
- B. Bentuk U paling luas.
- C. Bentuk R paling luas
- D. Bentuk S paling luas.

24.



Rajah 12


Rajah 12 menunjukkan sebuah segiempat sama PQRS dan segitiga sama sisi RUS . Perimeter bagi segitiga RUS ialah 24 cm . Hitungkan jumlah luas bagi kawasan berlorek.

- A.  $64 \text{ cm}^2$
- B.  $288 \text{ cm}^2$
- C.  $40 \text{ cm}^2$
- D.  $32 \text{ cm}^2$

25.  $8.75 \text{ m}^2$  dikurangkan sebanyak 478 m<sup>2</sup> menjadi

- A.  $3.97 \text{ m}^2$
- B.  $13.53 \text{ m}^2$
- C.  $8.272 \text{ m}^2$
- D.  $469.25 \text{ m}^2$

26.




Rajah 13

Dalam perjalanan Imrani untuk pergi ke Zoo , dia berhenti rehat di sebuah plaza rehat dan terpandang papan tanda dalam Rajah . Dia telah melalui  $\frac{3}{4}$  daripada jarak keseluruhan di antara rumahnya dengan zoo. Hitungkan jumlah perjalanan Imrani pergi dan balik daripada rumahnya ke zoo itu.

- A. 80 km
- B. 160 km
- C. 320 km
- D. 60 km

27.







Rajah 14

Rajah 14 menunjukkan panjang bagi dua batang pensel. Hitungkan, dalam mm, beza panjang di antara dua pensel itu?

- A. 10
- B. 1
- C. 20
- D. 14

28. Revi telah terlewat menghadiri satu mesyuarat yang dimulakan pada pukul 2:30 p.m. Ini kerana Revi telah terperangkap dalam kesesakan lalulintas selama  $1\frac{2}{5}$  jam sementara kerosakan keretanya pula memakan masa 40 minit untuk dibaiki. Antara berikut, yang manakah menunjukkan waktu Revi tiba ke mesyuarat tersebut?

- A.
- B.



29.

**HIDUP CERIA TANPA DADAH**

Rajah 15

Berapa peratuskah jumlah huruf D dan P daripada keseluruhan bilangan huruf dalam rangkaikata di dalam Rajah 15 di atas?

- A. 25
- B. 14
- C. 5
- D. 41

30.


Wang	Bilangan
RM2	3
RM5	3
RM10	1
20 sen	14
10 sen	12

Jadual 2

Raju memiliki sejumlah wang seperti ditunjukkan dalam Jadual 2 diatas. Sekiranya Raju ingin menukarkan kesemua wangnya kepada wang kertas RM5, berapakah bilangan wang kertas yang akan diperolehinya.

- A. 7
- B. 3
- C. 14
- D. 33

31.



Diskaun 20%

Rajah 16

Siti telah membeli 3 helai baju seperti dalam Rajah 16. Dia membayar dengan dua keping wang kertas RM50 dan mendapat wang baki sebanyak RM 4.00. Hitungkan harga asal bagi sehelai baju itu.

- A. RM 32.00      B. RM 40.00  
C. RM 20.00      D. RM 96.00

32.

Tahun	Jumlah
2002	
2003	
2004	22 800


**Jadual 3**

Jadual 3 menunjukkan jumlah pelancong yang melawat Pulau Tioman bagi tiga tahun tertentu. Jumlah pelancong pada tahun 2003 meningkat 20% berbanding tahun 2002 manakala tahun 2004 merosot 5% berbanding 2003.

Berapakah perbezaan pelancong yang datang pada tahun 2002 dan 2004 ?

- A. 2800 orang      B. 3648 orang  
C. 4788 orang      D. 5700 orang

33.



**Rajah 17**

Rajah terdiri daripada petak – petak segiempat sama yang sama besar .

Berapa peratuskah kawasan berlorek daripada seluruh rajah ?

- A. 61 %      B. 66 %  
C. 12 %      D. 50 %

34. 30 % daripada suatu nombor ialah 48.




Hitungkan 40% daripada nombor itu ?

- A. 19      B. 28  
C. 31      D. 64

35. Tukarkan 165% kepada pecahan termudah.

- A.  $\frac{16}{5}$       B.  $\frac{160}{5}$   
C.  $\frac{13}{20}$       D.  $\frac{33}{20}$


36. Antara berikut yang manakah setara dengan hasil tambah  $\frac{1}{2}$  dan  $\frac{1}{4}$  ?





37.

**Bongkah P**



**Rajah 18**


Bongkap P dalam Rajah adalah sebuah kuboid yang mempunyai isipadu  $64 \text{ cm}^3$ .

Antara berikut yang manakah yang benar ?

- A.  $x = 4 \text{ cm}$  ,  $y = 4 \text{ cm}$  ,  $z = 4 \text{ cm}$ .
- B.  $x = 4 \text{ cm}$  ,  $y = 8 \text{ cm}$  ,  $z = 2 \text{ cm}$ .
- C.  $x = 15 \text{ cm}$  ,  $y = 20 \text{ cm}$  ,  $z = 29 \text{ cm}$ .
- D.  $x = 8 \text{ cm}$  ,  $y = 8 \text{ cm}$  ,  $z = 4 \text{ cm}$ .

**Kehadiran**

38.




**Rajah 19**

Rajah 19 menunjukkan kehadiran pelancong di sebuah zoo. Jika jumlah pelancong pada bulan Mac dan April ialah 3750 orang , hitungkan purata pelancong yang melawat zoo itu pada ketiga-tiga bulan tersebut.

- A. 416
- B. 250
- C. 2250
- D. 750

39.



**Rajah 20**

Rajah 20 menunjukkan segiempat sama PQRS , dan sebuah segitiga sama sisi ABC .

Perimeter segiempat sama PQRS ialah dua kali ganda daripada perimeter segitiga sama sisi ABC.

Hitungkan panjang sisi RS.

- A. 4 cm
- B. 12 cm
- C. 6 cm
- D. 8 cm

40. Amir merupakan seorang pekerja baru dengan gaji bulanan RM 1200. Selepas tiga bulan , gajinya dinaikkan sebanyak 25 % . Hitungkan jumlah pendapatan Amir bagi tujuh bulan pertama beliau bekerja.

- A. RM 9,600
- B. RM 10,500
- C. RM 2,100
- D. RM 8,300